pos tidak berbangkit. Mungkin sebab itu jugalah Peguam plaintif tidak membangkitnya.

Kesimpulannya, saya berpuashati, bahawa pendaftar sebenarnya telah berpuashati bahawa penyampaian ke diri atau melalui pos tidak dapat dilakukan dengan jayanya dan, oleh itu, telah memerintahkan penyampaian ganti.

Alasan kedua yang dikemukakan ialah cara penyampaian ganti itu dilakukan menyalahi kehendak s. 432 KTN kerana notis itu tidak diwartakan.

Tidak dinafikan bahawa notis itu tidak diwartakan. Peruntukan s. 432 itu juga jelas menghendaki notis itu diwartakan. Dalam hal ini, saya bersetuju dengan hujah Peguam plaintif bahawa cara penyampaian ganti itu tidak mematuhi kehendak s. 432 kerana ia tidak diwartakan.

Saya sepatutnya meluluskan permohonan plaintif atas alasan ini. Tetapi, kes ini tidak berakhir di sini.

Peguam responden kedua menarik perhatian saya bahawa kaveat berkenaan sebenarnya telah pun luput. Tempoh enam tahun umur kaveat itu berakhir pada 5 Jun 1992. Permohonan ini cuma dibuat pada 14 Ogos 1992. Perlu disebut juga bahawa responden pertama membatalkan kaveat itu pada 23 April 1991. Ertinya permohonan untuk mengenepikan pembatalan kaveat itu dibuat lebih kurang satu tahun enam bulan selepas kaveat itu dibatalkan dan lebih kurang enam bulan selepas tempoh kaveat itu luput, jika ia tidak dibatalkan sekali pun.

Peguam plaintif menarik perhatian saya bahawa plaintif telah memasukkan kaveat kedua, selepas kaveat yang menjadi persoalan dalam kes ini dibatalkan. Pada pandangan saya itu hal lain. Kaveat yang menjadi perkara yang dipertikaikan dalam permohonan ini ialah kaveat yang dimasukkan pada 6 Jun 1986, yang telah pun luput tempohnya.

Atas alasan ini saya menolak permohonan plaintif dengan kos.

PENDAKWA RAYA

lwn.

MUSTAFA BIN SALLEH

MAHKAMAH TINGGI, ALOR SETAR
TUAN HJ. MOHD. NOOR BIN HJ. ABDULLAH PK
[PERBICARAAN KES JENAYAH NO. 47-14-89]
1 FEBRUARI 1993

DADAH BERBAHAYA: Pertuduhan mengedar dadah berbahaya - Pembelaan dipanggil - Sama ada tertuduh berjaya mematahkan anggapan statutori terhadap pemilikan dan pengedaran dadah tersebut.

Tertuduh telah di tangkap dalam satu seranghendap dimana satu tong minyak dirampas darinya dan setelah pemeriksaan dibuat keatas tong tersebut ianya didapati berisi candu mentah yang berat bersihnya 15,316.6 gram.

Pembelaan tertuduh adalah bahawa tong yang dibawanya berisi minyak disel untuk abangnya yang dipatuk ular pada hari itu. Ia menafikan yang tong yang berisi candu dibawa olehnya dan mengatakan bahawa terdapat satu lagi tong yang serupa dengan tong yang dibawanya di tempat ia di tahan oleh pegawai kastam.

Diputuskan:

[1] Ia adalah dibuktikan tanpa sebarang keraguan yang munasabah bahawa tong minyak itu, yang mengandungi dadah berbahaya, berada dalam penjagaan dan di bawah kawalan tertuduh. Tertuduh membawa tong itu turun dari bas, meletakkannya di antara dua belah kakinya dalam teksi dan membawanya turun dari teksi sebelum ia di tangkap.

[2] Setelah menimbang keseluruhan keterangan tertuduh dengan latarbelakang kes pendakwaan adalah didapati pembelaan tertuduh tidak mungkin atau munasabah maupun berpatutan dan tertuduh gagal mematahkan anggapan yang tertuduh memiliki dadah berbahaya dalam tong itu dan tahu ianya jenis candu mentah.

[Tertuduh didapati bersalah, disabitkan kesalahannya dan dikenakan hukum mati].

Kes-kes yang dirujuk:

Mohd Radhi bin Yaacob lwn. PP [1991] 3 CLJ 2073 / [1991] 3 MLJ 169 @ 171 ***(dirujuk)***

Leow Ngee Lim lwn. Regina [1956] MLJ 28 @ 29 ***(dirujuk)***
Public Prosecutor lwn. Loo Keck Leong [1991] 3 CLJ 2584 ***(dirujuk)***
Shamsuddin bin Hassan & Satu Lagi lwn. Pendakwa Raya [1991] 3 CLJ 2414 ***(dirujuk)***
Pendakwa Raya lwn. Fom It Cheong [1991] 1 CLJ 160 ***(dirujuk)***
Ho Seng Seng lwn. Rex [1951] MLJ 225 ***(dirujuk)***
PP lwn. Ang Boon Foo [1981] 1 MLJ 40 @ 43 ***(dirujuk)***
PP lwn. Lam San [1991] 3 CLJ 2410 ***(dirujuk)***

Akta-akta yang dirujuk:
Akta Dadah Berbahaya 1952, ss. 2, 37(d)(da)(iv)(vi), 39B(1)(a), (2)

Bagi pihak pendakwa - Abdul Roni bin Abd. Rahman, TPR
Bagi pihak tertuduh - G. Naughton Christie; T/n. Naughton Christie & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Hj. Mohd. Noor bin Hj. Abdullah PK:
Pertuduhan

Mustafa bin Salleh selepas ini disebut "Tertuduh" telah dipertuduh mengedar dadah berbahaya jenis candu mentah seberat 15,316.6 gram pada 12 Februari 1989 lebih kurang pukul 9.45 malam di Kampung Kubang Pasu, Kedah bersalahan dengan s. 39B(l)(a) Akta Dadah Berbahaya, 1952 yang jika sabit ke-salahan itu hendaklah dikenakan hukuman mati di bawah s. 39B(2) Akta itu.

Fakta kes pendakwaan

Pada 12 Februari 1989 pukul 9.00 malam pegawai kastam Osman bin Omar (SP3) yang menganggotai sepasukan seranghendap kastam telah memerhatikan tertuduh turun dari bas di perhentian bas Kangar dan terus berjalan kaki ke perhentian teksi. Tertuduh membawa satu tong plastik berwarna kemerahan berukuran 1 l/2'x2'x3/4'. Tertuduh menaiki sebuah teksi dan menuju ke arah Jalan Arau. SP3 dan pasukan pegawai kastam mengekori teksi itu.

Pemandu teksi tersebut Taha bin Lateh (SP4) menerangkan tertuduh menyewa teksinya dengan bayaran tambang RM20 untuk menghantar tertuduh ke Kampung Kubang Pasu. Tertuduh ada membawa satu tong minyak dan meletakkannya di antara dua belah kakinya di dalam teksi. Dia enggan meletakkan tong minyak itu di dalam boot teksi kerana ditakuti minyak itu tumpah. Tertuduh memberitahu SP4 tong itu berisi minyak diesel untuk kegunaan trektor membajak ladang tembakau.

Apabila sampai di Kampung Kubang Pasu teksi berhenti, Tertuduh turun membawa tong minyak itu keluar dan beberapa orang pegawai kastam menyerbu dan menahan Tertuduh. Mereka merampas tong minyak itu dan memeriksanya dan mendapati tong itu berisi bahan yang disyaki candu mentah. SP2 me-rampas tong itu dan menangkap tertuduh dan membawanya ke Pejabat Unit Pengesan, Jabatan Kastam Alor Setar. Di sini SP2 menyerahkan tertuduh bersama dengan satu tong tadi kepada Penguasa Kastam Mohd. Yusof bin Chik Long (SP5).

SP5 memeriksa tong tersebut dan mendapati ia mengandungi beberapa bungkusan plastik. SP5 perhatikan bahagian bawah tong itu ada tanda-tanda ia telah di potong dan dicantumkan semula. SP5 mengarahkan tong itu dipotong semula untuk mengeluarkan isinya. SP5 mendapati 10 bungkusan plastik dalam tong itu dan setiap bungkusan itu mengandungi bahan hitam melekit yang disyaki candu mentah. SP5 menyerahkan 10 bungkusan plastik dan satu tong kepada pegawai penyiasat Mohd. Yusof bin Omar (SP6). Sepuluh bungkusan plastik itu ditanda C1 sehingga C10 dan dimasukkan ke dalam kotak yang bermeterai. Kotak itu yang berisi dengan 10 bungkusan plastik itu telah dihantar kepada Tan Teik Siew (SPl), seorang ahli kimia di Jabatan Kimia Pulau Pinang.

Ahli kimia telah memeriksa dan menguji bahan hitam melekit dalam bungkusan plastik bertanda Cl sehingga C10 dan mendapati ianya candu mentah sebagaimana ditakrifkan dalam Akta itu. Ahli kimia telah menimbang candu mentah tersebut dan berat bersihnya ialah 15,316.6 gram.

Pembuktian

Dalam perbicaraan kes jenayah pada keseluruhannya dari awal hingga akhir beban bagi membuktikan tanpa sebarang keraguan yang munasabah bahawa tertuduh bersalah terhadap sesuatu pertuduhan itu terletak kepada pendakwaan dan bukan kepada pembelaan untuk membuktikan tertuduh tidak bersalah. Walaupun demikian YA Mohamed Azmi HMA telah menjelaskan lagi

dalam kes *Mohamad Radhi bin Yaacob lwn. PP* [1991] 3 MLJ 169 @ 171 di mana beliau berkata:

> Semasa dalam perbicaraan kes pendakwaan tentu sekali pendakwaan boleh bergantung kepada peruntukan anggapan yang sedia ada bagi membuktikan satu atau lebih intipati penting sesuatu pertuduhan itu. Apabila ini berlaku, beban pembuktian khusus, tetapi bukan beban pembuktian am, berpindah kepada pembelaan untuk mematahkan anggapan itu atas imbangan kebarangkalian yang jika dilihat dari sudut kacamata pembelaan adalah lebih berat dari beban menimbulkan keraguan yang munasabah tetapi jelas lebih ringan dari beban pendakwaan untuk membuktikan melebihi keraguan yang munasabah. (Terjemahan).

Mengenai pertuduhan ini di mana tertuduh dipertuduh mengedar dadah berbahaya, pendakwa boleh membuktikan kes pendakwaan secara langsung atau secara tidak langsung. Secara lansung beerti menzahirkan keterangan tentang mana-mana perbuatan seperti mengilang, ... membeli, menjual ... membekal dll. dadah berbahaya yang diliputi dalam takrif "mengedar" di bawah s. 2 Akta itu. Secara tidak langsung pula bererti pendakwaan boleh bergantung kepada peruntukan anggapan di bawah s. 37(da)(iv) bersesama dengan s. 37(d) Akta itu. Anggapan pertama mengatakan jika berat candu mentah itu 1,000 gram atau lebih sesiapa yang memilikinya dianggap mengedarnya. Anggapan kedua pula mengatakan jika seseorang didapati dalam penjagannya atau di bawah kawalannya apa jua benda yang mengandungi dadah berbahaya, orang itu dianggap memiliki dadah itu dan dianggap seterusnya ia tahu jenis dadah berbahaya itu.

Bagi maksud memantapkan pengertian dan menghindarkan sebarang kekeliruan kedua-dua peruntukan anggapan tersebut diperturunkan di sini:

> 37. Dalam semua prosiding di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya -
>
> (a) (b) (c) (tidak berkenaan)
>
> (d) Seseorang yang didapati dalam penjagaannya atau di bawah kawalannya apa jua benda yang mengandungi dadah berbahaya hendaklah, melainkan dibuktikan sebaliknya, dianggap telah memiliki dadah itu dan hendaklah, melainkan dibuktikan sebaliknya, dianggap telah mengetahui jenis dadah itu,
> (da) seseorang yang didapati memiliki -
> (i) (ii) (iii) (iiia) (iv) (tidak berkenaan)
> (v) 1,000 gram berat atau lebih candu mentah,
> (va) (vi) (viii) (ix) (x) (tidak berkenaan)
> melainkan menurut kuasa Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis hendaklah, melainkan dibuktikan sebalikknya, dianggap mengedar dadah itu.

Adalah jelas dari peruntukan anggapan tersebut bahawa beban pendakwaan untuk membuktikan dua intipati penting pertuduhan itu iaitu pemilikan dadah berbahaya dan pengetahuan tentang jenis dadah berbahaya itu menjadi ringan disebabkan pendakwaan hanya perlu membuktikan tertuduh telah didapati dalam penjagannya atau di bawah kawalannya apa jua benda yang mengandungi dadah berbahaya. Saya tekankan ungkapan "didapati dalam penjagannya atau di bawah kawalannya apa jua benda yang mengandungi dadah berbahaya" yang nyata berlainan dengan "didapati memiliki dadah berbahaya". Pada pendapat saya pemilikan dadah itu adalah ekoran yang terbit dari penjagaan atau kawalan benda (bungkusan, kotak dll) yang mengandungi dadah itu. Tetapi tidak ada anggapan terhadap penjagaan atau kawalan. Ini dijelaskan oleh Taylor J dalam kes *Leow Ngee Lim lwn. Regina* [1956] MLJ 28 @ 29 di mana beliau berkata:

> tiada anggapan terhadap penjagaan. Dari penjagaan timbul anggapan. Jika penjagaan tidak terbukti maka rantai ke-warasan terputus. (Terjemahan).

Saya seterusnya berpendapat adalah membebankan pendakwaaan dan ini bercanggah dengan perutukan anggapan tersebut jika pendakwaan dikehendaki membuktikan bahawa tertuduh memiliki dadah berbahaya atau ada dalam penjagannya atau di bawah kawalannya dadah berbahaya. Di bawah peruntukan ini pemilikan dadah berbahaya dan pengetahuan tentang jenis dadah berbahaya itu tidak perlu dibuktikan.

Dalam kes *Public Prosecutor lwn. Loo Keck Leong* [1991] 3 CLJ 2584, tertuduh telah dipertuduh mengedar dadah berbahaya di bawah s. 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Dadah berkenaan jenis cannabis di jumpai dalam satu beg yang dibawa oleh tertuduh di atas bahunya semasa ia ditangkap dan juga dalam satu beg plastik yang dibimbit olehnya. Hakim bicara YA KC Vohrah menyatakan (di halaman 2586):

> Atas asas *prima facie* fakta penting menunjukkan keterangan bahawa tertuduh telah ada dalam kawalan dan penjagannya beg-beg yang mengandungi bahan tumbuhan iaitu dadah cannabis. Oleh yang demikian tertuduh dianggap di bawah s. 37(d) memiliki dadah cannabis itu malainkan dibuktikan sebaliknya dan melainkan dibuktikan sebaliknya tertuduh dianggap tahu jenis dadah itu. (Terjemahan).

Hakim ini kemudiannya menyatakan (di halaman 2588):

> Persoalan yang lebih penting ialah sama ada tertuduh, atas imbangan kebarangkalian, tahu jenis barangan dalam beg itu ialah cannabis dan sama ada, atas imbangan kebarangkalian tertuduh mengedar dadah cannabis? (Terjemahan)

Setelah Hakim ini meneliti keterangan yang dikemukakan, beliau memutuskan (di halaman 2589):

> Dalam analisa terakhir cerita yang dibentangkan oleh tertuduh ... adalah penuh dengan lubang percanggahan dan ketakbarangkalian ... Atas imbangan kebarangkalian tertuduh tidak dapat mematahkan anggapan cannabis dan atas imbangan kebarangkalian dia tidak dapat mematahkan anggapan bahawa dia mengedar cannabis. (Terjemahan)

Dalam kes *Shamsuddin bin Hassan & Anor. lwn. Pendakwa Raya* [1991] 3 CLJ 2414, perayu telah disabit dan dihukum mati oleh Mahkamah Tinggi berhubung dengan kesalahan mengedar dadah di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Dalam keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan, ada dinyatakan bahawa semasa pihak polis mengejar kereta yang dinaiki oleh perayu, satu bungkusan kelihatan dilempar keluar dari kereta. Pihak polis tidak dapat memastikan siapa orangnya yang melempar bungkusan itu dari kereta. Bungkusan itu kemudiannya didapati mengandungi dadah. Bungkusan itu telah diberi kepada pegawai penyiasat lima jam selepas ia dujumpai dan diserahkan kepada ahli kikmia lima hari selepas tertuduh ditangkap. Dalam keputusannya meluluskan rayuan perayu, Harun Hashim HMA menyatakan:

> Hakim yang arif tidak membuat sebarang penentuan tentang siapa melempar bungkusan itu dari kereta. Tidak ada keterangan bantal yang dimuatkan dengan dadah itu telah ditunjukkan kepada perayu setelah mereka ditangkap atau mereka disemukakan dengan keterangan ini. Dihujahkan bahawa anggapan tentang pengetahuan di bawah s. 37(d) Akta itu timbul dari fakta bahawa dadah itu dilemparkan keluar dari kereta. Dalam pandangan kami, fakta ini sahaja tidak mencukupi dalam keadaan ini untuk membuktikan kawalan atau penjagaan. Lainlah jika hanya seorang saja dari perayu berada dalam kereta itu pada masa yang tertentu itu dan salah seorang darinya sebenarnya dilihat melemparkan bungkusan itu dari kereta itu.
>
> Justeru dari hal di atas, maka tiada keterangan tentang penjagaan atau kawalan d adah itu untuk menimbulkan anggapan di bawah s. 37(d) Akta itu bahawa perayu memiliki dadah itu dan anggapan seterusnya bahawa mereka mesti tahu dadah i tu ialah cannabis. Sehingga ini dapat dibuktikan, anggapan di bawah s. 37(da) Akta itu bahawa perayu mengedar dadah berbahaya tidak timbul. (Terjemahan).

Dalam kes *Pendakwa Raya lwn. Fom It Cheong* [1991] 1 CLJ 160 Richard Talalla PK telah memutuskan, berasaskan fakta dalam kes itu bahawa anggapan di bawah s. 37(d) tidak boleh dipakai ke atas tertuduh. Dalam kes itu Hakim bicara menyatakan:

> Bagi anggapan di bawah s. 37(d) terpakai adalah perlu bagi pendakwaan untuk membuktikan tertuduh ada dalam penjaganya atau kawalannya tin-tin yang mengandungi dadah.

Hakim ini telah memetik tentang makna "penjagaan atau kawalan" dari keputusan Brown Ag. CJ dalam kes *Ho Seng Seng lwn. Rex* [1951] MLJ 225, di mana pemangku Hakim Besar itu menyatakan:

> Saya fikir unsur pengetahuan adalah ternyata dalam perkataan "penjagaan" dan dalam perkataan "kawalan". "Penjagaan" bermakna tengok-tengokkan atau simpan dengan selamat. Anda tidak tengok-tengokkan sesuatu barang atau menyimpannya dengan selamat melainkan anda tahu barang itu ada di situ. Begitu juga anda tidak "mengawal" sesuatu barang melainkan anda tahu barang itu ada di situ." (Terjemahan).

Berasaskan kepada keterangan, Richard Talalla PK mendapati bahawa dadah berkenaan tidak didapati berada dalam tangan tertuduh tetapi dijumpai di dalam tin yang disorokkan di dalam dua bilik berasingan. Keadaan bilik itu menunjukkan bahawa orang lain boleh keluar masuk ke bilik itu. Justeru itu Hakim bicara memutuskan tertuduh tidak memiliki dadah itu.

Walaupun demikian, peruntukan anggapan ini boleh dipatahkan oleh pembelaan samada semasa kes pendakwaan maupun semasa kes pembelaan. Umpamanya, Tertuduh boleh menunjukkan atas imbangan kebarangkalian dia tidak ada kuasa pelupusan sebagaimana dijelaskan oleh Gunn Chit Tuan H. dalam kes *PP lwn. Ang Boon Foo* [1981] 1 MLJ 40 @ 43 di mana beliau berkata:

> Dalam kes seperti ini, jika tertuduh boleh menunjukkan atas imbangan kebarang kalian bahawa walaupun dia ada sesuatu benda dalam penjagaannya atau dibawah kawalannya tetapi dia tidak ada kuasa pelupusan maka pada penghakiman saya, tertuduh telah mematahkan andaian di bawah s. 37(d) Ordinan Dadah Berbahaya 1952 dan dia telah menunjukkan penjagaannya atau kawalannya ke atas benda berkenaan itu tidak sampai kepada (makna) pemilikan di bawah Ordinan itu. (Terjemahan).

Kesimpulan dari fakta kes

Saya puashati dan menerima keterangan ahli kimia (SPl) bahawa bahan hitam melekit yang diujinya itu ialah candu mentah dan beratnya ialah 15,316.6 gram. Keterangan ahli kimia itu jelas dan berasas sehinggakan Peguambela yang bijaksana merasa tidak perlu mencabar kesahihan keterangan SP1. Nampaknya Peguambela akur terhadap teguran YAA Hashim Yeop Sani, Hakim Besar Malaya dalam kes *PR lwn. Lam San* [1991] 3 CLJ 2410 di mana beliau berkata:

> Melainkan terdapat keterangan yang nyata tersedia tidak boleh dipercayai sehinggakan tiada orang yang waras boleh percaya tentang kebenarannya, maka keterangan itu hendaklah diterima sebagai keterangan *prima facie*. Asalkan keterangan itu boleh dipercayai maka tidak perlu ahli kimia itu menunjukkan secara terperinci apa beliau lakukan di makmalnya. Tidak perlu ahli kimia itu mengatakan alat apa ia gunakan untuk membuat ujian atau samada alat itu dalam keadaan baik dan boleh digunakan. Hendaklah dianggap beliau mempunyai alat yang sempurna untuk melaksanakan tugasnya melainkan ditunjukkan sebaliknya. (Terjemahan).

Saya dapati tiada keterangan secara langsung yang menunjukkan tertuduh sebenarnya tahu tong minyak itu mengandungi dadah berbahaya apatah lagi dadah berbahaya jenis candu mentah. Malahan tiada sebarang keterangan yang menunjukkan bahawa dari perilaku tertuduh atau percakapannya tertuduh tahu tentang dadah itu serta jenisnya. Apa yang jelas kepada saya dan ini terbukti tanpa sebarang keraguan yang munasabah ialah tong minyak itu (yang mengandungi dadah berbahaya) berada dalam penjagaan dan di bawah kawalan tertuduh. Tertuduh membawa tong itu turun dari bas. Tertuduh meletak-kannya di antara dua belah kakinya dalam teksi itu. Tertuduh membawanya turun dari teksi. Tertuduh hendak membawa tong itu kepada abangnya. Ekoran dari tong berada dalam penjagaan tertuduh atau di bawah kawalan tertuduh maka tertuduh dianggap memiliki dadah berbahaya itu serta tahu ianya jenis candu mentah. Saya sedar anggapan di bawah s. 37(d) ini adalah anggapan yang boleh dipatahkan di peringkat kes pendakwaan. Tertuduh boleh mematahkan anggapan itu atas imbangan kebarangkalian bahawa tertuduh tidak tahu benda itu mengandungi dadah berbahaya walaupun benda itu terbukti berada di dalam penjagaan atau di bawah kawalannya. Pernyataan tertuduh kepada pemandu teksi bahawa tong itu berisi minyak diesel dan enggan meletakkannya dalam boot kereta kerana ditakuti tumpah tidak mencukupi untuk mematahkan anggapan itu. Saya berpendapat tertuduh dapat membezakan tong berisi benda cecair seperti minyak diesel dengan tong berisi benda padu seperti candu mentah. Cecair berkocak, benda padu bergerak, beratnya berbeza, rasa (pada mengangkat dan membawanya) berlainan. Tertuduh dalam keadaan sedemikian tahu apa isi sebenar tong itu. Tertuduh tahu ia bukan berisi minyak diesel.

Kesimpulan saya ialah berlandaskan kepada fakta kes pendakwaan tersebut tertuduh adalah dianggap memiliki dadah berbahaya itu serta tahu ianya jenis candu mentah dan terserahlah kepada tertuduh untuk membuktikan sebaliknya dalam pembelaan

tertuduh. Tertuduh diminta membela diri terhadap pertuduhan itu.

Pembelaan

Pada 12 Februari 1989 pukul 8 malam tertuduh membeli satu tong minyak diesel sebanyak 5 gelen di Kuala Perlis dan membawanya dengan bas ke Kangar. Tertuduh meletakkan tong itu di luar gerai seketika ia minum dan merokok. Kemudian tertuduh bawa tong itu naik teksi pergi ke Napo, Kampung Kubang Pasu. Apabila teksi berhenti dan tertuduh keluar membawa tong itu, sepasukan pegawai kastam menyerbu tertuduh. Tertuduh melihat ada satu tong lain 25 kaki di depan teksi. Pegawai kastam mengambil tong yang satu lagi itu dan membawanya bersama dengan tong tertuduh dalam sebuah kereta. Tertuduh menafikan ia memiliki dadah berbahaya atau tahu ianya jenis candu mentah. Ia mem-bawa tong berisi minyak diesel untuk abangnya yang kebetulan dipatuk ular pada hari itu. Tertuduh telah ditangkap dan dibawa ke Pejabat Kastam Alor Setar. Di sini pegawai kastam memotong bahagian bawah tong itu dan mengeluarkan ketulan candu. Tong itu bukan tong yang tertuduh bawa dari Kuala Perlis ke Kampung Kubang Pasu. Tong yang tertuduh bawa ialah tong berisi minyak diesel.

Kesimpulan

Saya menolak tohmahan tertuduh kononnya ada satu lagi tong yang diambil oleh pegawai kastam tidak jauh dari tempat tertuduh ditahan. Saksi-saksi yang terdiri dari pegawai kastam menafikan ada satu tong lagi di jumpai di tempat kejadian. Pemandu teksi (SP4) menafikan cadangan Peguambela mengenai satu tong lagi itu. Penguasa Kastam (SP5) yang memeriksa tong itu tidak menyebut tentang satu lagi tong dan beliau tidak disoalbalas mengenainya, begitu jua pegawai penyiasat kes ini (SP6). Keterangan tertuduh kononnya Penguasa Kastam (SP5) menunjukkan tong yang satu lagi itu kepada Majistrate Mahkamah Jitra dan mengatakan tong itu dijumpai di tepi lebuhraya adalah di luar peraturan perbicaraan dan tidak munasabah.

Pada keseluruhannya adalah tidak munasabah pada pukul 9.45 malam itu ada satu tong lain berisi candu mentah terletak di tepi jalan tanpa bertuan dan tong itu bertukar atau ditukarkan dengan tong tertuduh. Tertuduh ada menyebut tentang satu penunggang motosikal dan sebuah lori semasa kejadian itu. Adalah tidak munasabah penunggang motosikal itu ataupun pemandu lori itu mening-galkan satu tong berisi candu mentah di tepi jalan dekat tempat kejadian. Saksi-saksi pendakwa tidak langsung disoalbalas tentang kehadiran mereka di tempat kejadian. Saya percaya dengan keterangan pemandu teksi (SP4) yang mengatakan ia menghentikan teksinya, tertuduh keluar membawa tongnya dan membayar tambang teksi. Ketika ini pegawai kastam menyerbu tertuduh dan merampas tong itu dari tertuduh yang apabila diperiksa tong itu didapati bukan mengandungi minyak.

Walaupun tertuduh tidak mengatakan kemungkinan tong minyaknya bertukar atau ditukarkan semasa tongnya terletak di luar gerai, saya telah menimbangkan kemungkinan ini. Tong itu tidak mungkin bertukar kerana tidak ada tong serupa itu diletakkan bersamanya. Tong itu tidak mungkin jua ditukarkan dengan satu tong lain yang serupa berisi candu mentah kerana barang bernilai tidak semudah itu boleh ditukarkan, kecuali untuk memperangkap tertuduh dan ini bukan bentuk pembelaan tertuduh.

Akhirkata sekiranya tertuduh membawa tong yang ia tahu berisi penuh dengan minyak diesel dan membawa turun tong itu dari teksi dan kemudian tertuduh ditangkap adalah keterlaluan dan tidak munasabah saksi-saksi terdiri dari pegawai kastam dan pemandu teksi melesapkan tong itu atau pura-pura tidak tahu mengenainya. Pembelaan tertuduh tidak munasabah. Tertuduh telah membawa tong dari perhentian bas Kangar ke Kampung Kubang Pasu dan tong ini terbukti kemudiannya mengandungi candu mentah. Tetapi tertuduh telah dengan sengaja berbohong kepada pemandu teksi kononnya tong itu berisi minyak diesel maka tidak hairanlah tertuduh menge-pit tong itu dengan kakinya dalam teksi. Tertuduh gagal mematahkan anggapan yang tertuduh memiliki dadah berbahaya dalam tong itu dan tahu ianya jenis candu mentah.

Saya telah menimbangkan keseluruhan keterangan tertuduh dengan latarbelakang kes pendakwaan dan mendapati pembelaan

tertuduh tidak mungkin atau munasabah maupun berpatutan. Saya dapati tertuduh bersalah dan mensabitkan kesalahannya dan mengenakan hukuman mati keatasnya.

a **PUAN HAJAH AMIN @ CHE TOM BT. KASSIM**

lwn.

TUAN HJ. ABDUL RASHID BIN ABD. HAMID

b MAHKAMAH TINGGI, SEREMBAN
DATO' FAIZA TAMBY CHIK H.
[SAMAN PEMULA NO. 24-345-1992]
15 MAC 1993

c ***AMALAN DAN PROSEDUR: Permohonan kepada Mahkamah sibil untuk menguatkuasakan perintah yang di beri oleh Mahkamah Syariah - Sama ada permohonan adalah penyalahgunaan proses Mahkamah - Sama ada permohonan patut dibenarkan.***

d ***BIDANGKUASA: Pertelingkahan bidangkuasa diantara sibil dan syariah - Dihalang oleh Perlembagaan Persekutuan - Samaada Mahkamah sibil boleh menguatkuasakan perintah yang di beri oleh Mahkamah Syariah - Sama ada Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa untuk menguatkuasakan perintahnya.***

e Semasa plaintif bercerai dari defendan, plaintif telah memperolehi beberapa perintah, diantara lain, untuk penyerahan tanah di Mukim Labu, Seremban, daripada Mahkamah Syariah.

f Plaintif memohon kepada Mahkamah Tinggi melalui saman pemula untuk declarasi bahawa tanah tersebut dipindahkan keatas namanya dengan alasan Mahkamah Syariah tidak berupaya menguatkuasakan sepenuhnya perintah yang telah dijatuhkannya kerana kekurangan prosedur, kekurangan badan penguatkuasa dan kuasa yang terdapat di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Enakmen tersebut) adalah terhad.

g **Diputuskan:**

h **[1]** Perintah penyerahan tanah kepada plaintif yang dibuat oleh Mahkamah Kadi adalah satu perintah yang dibuat oleh Mahkamah yang mempunyai bidangkuasa kompeten dan adalah sah dan suatu hukuman mengikat ke atas pihak defendan.

i **[2]** Mahkamah Syariah boleh mengarahkan defendan menyempurnakan pindahmilik tanah tersebut jika ada permohonan dibuat oleh plaintif dan jika defendan engkar mematuhi arahan itu, ia boleh dikuatkuasakan dengan satu perintah pengkomitan.